

CNS6586

U GB 06-01 00175 BB718

AAB

(Ulangan membetulkan para ketiga)

TINDAKAN AMERIKA TOLAK EAEC TIDAK HORMATI HAK NEGARA LAIN

Mahathir - EAEC

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Tindakan Amerika Syarikat menolak konsep Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) memperlihatkan sikap negara itu yang tidak menghormati hak negara-negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pendirian negara itu bukan hanya setakat di mulut sahaja, kemungkinan ada tindakan tertentu yang akan diambil dan ini bermakna konsep negara bebas dan merdeka akan dicabuli.

+Jika Amerika Syarikat tidak bersetuju dengan konsep yang dicadangkan Malaysia itu, mereka sepatutnya membuat keputusan secara persendirian dan tidak memaksa negara lain untuk turut menyokong keputusan itu,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penganalisan dan Pengurusan Berisiko di Auditorium Bank Negara di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau akan membawa isu itu pada sidang kemuncak Asean di Singapura pada 27 Jan ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden George Bush semasa lawatan seharinya ke Singapura Sabtu lepas. -- Lagi

▼06/01/14-24MST

CNS6523

U GB 06-01 00145 BC664

AAB

Mahathir - EAEC 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata tindakan Singapura membenarkan Amerika Syarikat memindahkan kemudahan logistik tenteranya dari Manila ke Singapura tidak terkeluar daripada penerangan yang diberikan kerajaan Singapura kepada anggota-anggota Asean sebelum ini.

+Kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Singapura kepada Amerika Syarikat ialah sekadar memberi kemudahan membaiki dan memberi perkhidmatan kepada kapal-kapal tentera laut Amerika dan bukannya untuk membina sebuah pangkalan tentera laut yang baru,+ katanya.

Tambahnya, dengan itu kerajaan Amerika Syarikat akan hanya memindahkan petugas-petugas yang diperlukan oleh perkhidmatan tersebut dan bukannya kesemua anggota pangkalan tenteranya di Manila.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak akan perlunya sebuah pangkalan tentera Amerika diwujudkan di rantau ini.

Projek penganalisan dan pengurusan berisiko selama tiga minggu itu dianjurkan Kelab Harvard Malaysia, Institut Bank-bank Malaysia dan Institut Pembangunan Antarabangsa Harvard. -- Bernama

▼06/01/12-40MST